

Headline	Lang Merah perlu elak kesilapan		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	07 Apr 2014	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	44	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	296 cm ²
Journalist	WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR	AdValue	RM 1,502
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,507



Lang Merah perlu elak kesilapan

Fokus perlu diberikan sepanjang perlawanan menentang Felda United malam ini

■ WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR

ALOR SETAR - Selepas keciciran mata pada perlawanan yang sepatutnya mampu memberi tiga mata penting buat Kedah, pasukan dari utara ini sekali lagi berdepan tugas sukar apabila perlu menghadapi Felda United di Stadium Majlis Perbandaran Selayang malam ini.

Lang Merah yang dilihat kembali menyusun formasi mereka selain penyerang tempatan, Khyril Muhymeen Zambri kembali dari kecederaan meledak dua gol untuk membantu pasukannya membenam UiTM FC 3-1 di laman lawan.

Felda United yang berada di tangga ketiga liga dengan 19 mata juga dilihat tidak kurang hebatnya turut menjinakkan DRB Hicom pastinya akan memanfaatkan laman sendiri meraih tiga mata, selain berusaha mengejar dua kelompok teratas iaitu PDRM dan Pulau Pinang.

Biarpun berada di tangga kelima liga, Kedah dilihat berupaya untuk berada di tangga ketiga sekiranya berjaya membenam cabaran Felda United.

Namun persoalannya,

mampukah rentak konsisten itu diteruskan dan jika boleh elakkan keputusan seri jauh sekali keputusan kalah, kerana ia akan menyaksikan Lang Merah akan semakin ketinggalan dari kelompok dua teratas liga.

Penolong Pengurus Kedah, Amirul Nizam Mahadzir berkata, Felda United adalah antara calon pilihan yang mampu mara ke saingan Liga Super musim depan dan lawan itu dilihat lebih sukar jika dibandingkan dengan UiTM FC.

Katanya, beberapa kesilapan kecil dipamerkan semasa bertemu UiTM FC sehingga menyebabkan terhasilnya gol

tunggal buat lawan perlu dielakkan dan fokus perlu diberikan sepanjang perlawanan berlangsung.

"Kedah lega kerana Khyril Muhymeen dan Baddrol Bakhtiar sudah bebas dari masalah kecederaan dan kehadiran mereka berjaya menguatkan kembali taktikal yang digerakkan oleh David Stuart Mitchell.

"Dalam pada itu, trio import kita iaitu Billy Osman Mehmet, Jose Franco dan Adam Griffith juga boleh diturunkan semasa menghadapi Felda United kelak," katanya.

“ Felda United adalah antara calon pilihan yang mampu mara ke saingan Liga Super musim depan dan lawan itu dilihat lebih sukar jika dibandingkan dengan UiTM FC.”

- Amirul

Headline	Lang Merah perlu elak kesilapan		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	07 Apr 2014	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	160,000
Page No	44	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	296 cm ²
Journalist	WAN MOHD NOOR HAFIZ WAN MANSOR	AdValue	RM 1,502
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,507



Kehadiran semula Khyril Muhymeen (kanan) dalam kesebelasan utama Lang Merah berjaya menajamkan kembali bahagian serangan pasukan berkenaan.